

13/04/1997

Bahu ghaib yang membantu

ALKISAHNYA, dalam ucapannya Dr Mahathir ada menyebut mengenai falsafah prosper thy neighbour. Terjemahannya makmurkan jiran anda. Maksud falsafah itu mudah saja. Bantu makmurkan jiran anda dan anda juga akan mendapat manfaatnya.

Falsafah itu tidak memerlukan pengorbanan daripada mana-mana negara. Setiap orang akan menikmati keuntungan daripada kemakmuran yang dikongsi di dunia. Formula inilah dikatakan sebagai formula atau falsafah win-win.

Dr Mahathir juga sebut pasal falsafah bahu yang ghaib. Maksud Dr Mahathir, bahu ghaib itu adalah pertolongan daripada negara kaya kepada negara miskin. Menurutnya, membantu mewujudkan kekayaan bagi semua akan memberikan kita hidup yang lebih baik. Bukan itu saja, ia juga membantu membahagiakan orang lain.

Lebih penting, ia adalah kebajikan tanpa kos.

Maka teman pun terfikir, jika Dr Mahathir membicarakan soal agihan kekayaan dan bantuan dari sudut makro, iaitu antara negara di dunia, mengapa ia tidak boleh dilakukan dari sudut mikro.

Maksud teman, mengapa usahawan yang kaya raya di negara kita tidak boleh menjadi bahu ghaib untuk membantu mereka yang baru belajar, merangkak, rebah dan kemudian bangun atau setidak-tidaknya bercita-cita untuk berniaga?

(END)